

10/09/2001

Malaysia dijangka beli 10 jet Su-30

KERAJAAN Malaysia sudah menyambung semula rundingan dengan Russia berhubung kemungkinan membeli 10 pesawat pejuang Sukhoi (Su-30) dan satu perjanjian mengenainya dijangka ditandatangani ketika Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 2001) bulan depan.

Rundingan untuk membeli 10 pesawat pejuang Su-30 buatan Irkutsk Aircraft Manufacturing Association (IAMO) bernilai AS\$35 juta (RM133 juta) seunit itu terhenti empat tahun lalu berikutan krisis ekonomi Asia.

Sepuluh unit pesawat berkenaan adalah peringkat pertama daripada tender menyeluruh kerajaan untuk membeli rangkaian pesawat pejuang barisan hadapan sistem pertahanan negara.

Sumber kerajaan memberitahu, pegawai kerajaan Malaysia sudah melawat loji pengeluaran IAMO di Irkutsk, Russia bulan lalu untuk melihat sendiri rangkaian model pesawat dan menilai keupayaan pengeluaran pesawat agensi itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga pernah melawat loji pengeluaran pesawat pejuang dan helikopter keluaran IAMO pada 1999.

IAMO memfokus dalam pengeluaran pesawat pejuang Su-30, Su-27 dan pesawat amfibia Be-200. Ketika Lima 1999, IAMO sudah menghantar Su-30MKI untuk diuji Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pesawat itu menampilkan ciri terkini yang dilengkapi pada model terbaru Su-35 dan Su-37.

Pesawat itu yang dilengkapi dengan sistem lonjakan enjin kawalan vektor mempunyai kelebihan pengendalian dan penerbangan yang jauh lebih baik berbanding pesawat pejuang lain.

Pada 1997, rundingan dengan Russia menyaksikan Malaysia membeli 18 pesawat pejuang supersonik MiG-29 pada 1996 membabitkan perbelanjaan RM1.4 bilion. Dua daripada pesawat itu adalah dua tempat duduk yang digunakan untuk latihan.

Rancangan pembelian itu adalah sebahagian proses pemodenan angkatan tentera Malaysia seiring dengan kemajuan teknologi persenjataan dunia.

(END)